



# Jurnal Kemaritiman: Indonesian Journal of Maritime



Alamat Jurnal: <https://ejournal.upi.edu/index.php/kemaritiman>

## Memertabatkan Semula Sejarah Maritim Sebagai Suatu Disiplin dan Cadang Ilmu dalam Mendepani Perkembangan Semasa Ilmu Kelautan Modern

Ismail Ali<sup>1</sup>, Singgih Tri Sulistiyono<sup>2</sup>, Encep Supriyatna<sup>3</sup>

<sup>1</sup> Universiti Malaysia Sabah

<sup>2</sup> Universitas Diponegoro

<sup>3</sup> Universitas Pendidikan Indonesia

### ABSTRACT

Laut dan lautan secara tradisinya telah menjadi sumber inspirasi untuk mencari kebenaran dan seterusnya berjaya mendakkan *worldview* manusia yang mengaitkannya dengan pelbagai unsur metos dan tahuyl. Laut dan lautan juga merupakan satu tempat yang mempunyai kelebihannya tersendiri bagi menyatakan perhubungan di antara negara, membentuk semangat bersatu, saling memahami dan bersatupadu serta menjana kekayaan. Ia adalah satu harta yang tidak ternilai, tidak boleh ditukar ganti dan diubah suai. Dalam pensejarahan awal maritim dunia telah memperlihatkan bagaimana para pelaut kuno dengan hanya berbekalkan kearifan lokal yang terhad terhadap alam kelautan tetap berhasil menakluki laut dan lautan utama dunia sehingga telah berjaya membangunkan sebuah peradaban seperti mana yang kita warisi pada masa kini. Seiring dengan perubahan ilmu pengetahuan dan perkembangan teknologi pada masa ini telah memperlihatkan kewujudan pelbagai bidang, disiplin dan aliran baharu dalam ilmu kelautan yang kini lebih dikenali sebagai oceanografi sahaja. Justru itu penelitian dan penulisan makalah ini bertujuan untuk memperlihatkan bagaimana sejarah maritim masih lagi relevan untuk terus dikaji dan dipelajari dan diangkat sebagai suatu bidang dan disiplin ilmu dalam ilmu kelautan dalam mendepani perubahan dan perkembangan terkini ilmu kelautan atau oceanografi dalam mencorakan perkembangan ilmu kelautan dan hala-tuju pembangunan agenda kelautan sesebuah negara.

© 2023 Kantor Jurnal dan Publikasi UPI

### ARTICLE INFO

#### Article History:

Submitted/Received 23 006 2021

First Revised 30 006 2021

Accepted 24 007 2021

First Available online 25 011 2021

Publication Date 01 012 2021

#### Keyword:

## 1. PENDAHULUAN

Sejarah tradisional di Kepulauan Asia Tenggara ini yang suatu masa dahulu dikenali sebagai Nusantara telah memperlihatkan kepentingan laut dan lautan dalam pembinaan peradaban di rantau ini. Bermula dengan kerajaan Srivijaya pada abad ke-6 dan kemudiannya digantikan oleh kerajaan Majapahit pada abad ke-13 yang bercirikan agama Hindu-Buddha yang bertunjangkan laut dan lautan telah membolehkan dua buah kerajaan ini muncul sebagai sebuah empayar bercirikan thalassocracy (kerajaan maritim) yang cukup disegani dan disinggahi oleh para pelayar, pedagang, ilmuwan dan agamawan dari pelbagai pelusuk dunia. Pergolakan politik dan perkembangan agama Islam dirantau ini sekitar abad ke-13 telah memperlihatkan keruntuhan kedua-dua buah kerajaan ini dan digantikan oleh pelbagai kerajaan berteraskan kesultanan dan bertunjangkan agama Islam seperti Samudera Pasai, Demak, Perlak, Aceh, Melaka, Tidore, Ternate, Banten, Banjar, Selapang, Gowa-Tallo, Kutai, Bone, Cirebon, Mataram, Bima, Deli, Siak dan sebagainya. Sebelum kedatangan kuasa-kuasa Barat dan berlakunya proses kolonialisasi di rantau ini juga telah mengangkat kepentingan laut-laut dan selat-selat di Kepulauan Melayu sebagai asas kepada kegemilangan kerajaan-kerajaan ini.

Namun demikian tren ini mula berubah apabila wilayah-wilayah di rantau ini dijajah oleh kuasa-kuasa Barat seperti Portugis, Sepanyol, Inggeris dan Belanda yang mula mengabaikan kepentingan laut dan lautan dan lebih memberi tumpuan kepada daratan sebagai asas kekuatan ekonomi dan politik mereka. Doktrin ini nampaknya diteruskan apabila wilayah-wilayah di rantau ini mencapai kemerdekaan dan berdiri sebagai sebuah negara-bangsa (nation-state) selepas Perang Dunia Kedua sehingga kini. Pada masa kini pelbagai isu dan persoalan seperti krisis ekonomi, konflik antara-negara, jenayah rentas sempadan, pengangguran, kemiskinan dan sebagainya nampaknya telah melanda negara-negara di rantau ini kesan daripada polisi ini dan sudah tiba masanya negara-negara di Kepulauan Asia Tenggara untuk memandang dan meletakkan semula kepentingan selat, laut dan lautan yang ada di rantau ini sebagai agenda pembangunan dan pemersatu untuk kesejahteraan bersama. Dalam hal ini, Malaysia juga nampaknya tidak terkecuali daripada isu dan persoalan di atas dan sudah tiba masanya pihak kerajaan memandang kembali kepentingan laut dan lautan sebagai suatu khazanah yang tidak ternilai harganya dan menjadi antara agenda pembangunan utama untuk kesejahteraan rakyat dan negara pada masa kini sepertimana yang pernah dibuktikan oleh Kesultanan Melayu Melaka suatu masa dahulu.

## 2. BEBERAPA ISTILAH, KONSEP DAN RUANG LINGKUP ILMU KELAUTAN

Pengetahuan dan pemahaman beberapa pengistilahan, konsep dan ruang lingkup berkaitan kelautan penting untuk dijadikan asas sebelum memahami agenda kelautan dan maritim serta hubungkaitnya dengan doktrin BRI pada masa kini. Persoalan yang biasa dilontarkan ialah apakah yang dimaksudkan dengan istilah laut dan lautan? Dalam bahasa mudahnya, laut adalah merujuk kepada satu kawasan perairan yang mengairi sesebuah daratan dan pulau. Dalam bahasa Melayu kuno, laut disebut sebagai Tagaroa yang terbit dari dua perkataan iaitu Taga dan Roa yang bermaksud tasik besar, telaga luas atau tasik luas. Bagi orang pulau atau islanders yang menetap di Kepulauan Melanesia dan Mikronesia juga menyebut Tagaroa sebagai Tangaroa, Tanaroa, Ta'aroa, Tagaloa, Tangaloa, Tagaloang dan Hangaloa yang juga bermaksud "tuhan segala laut dan lautan". Bagi pelaut Melayu kuno, Tagaroa adalah merujuk kepada satu laut sahaja dan bukannya lautan seperti yang kita kenal

pada hari ini seperti Lautan Pasifik, Lautan Hindi, Lautan Atlantik, Lautan Meditteranean, Lautan Artik dan sebagainya. Sementara itu, lautan yang juga dikenali sebagai "samudera" dalam Bahasa Melayu dan oceans dalam bahasa Inggeris adalah merujuk kepada satu kawasan perairan yang sangat luas dan mempunyai pelbagai laut diwilayahnya.

Perkataan lautan adalah berasal dari perkataan Latin iaitu oceanus yang lahir daripada perbendaharaan kata Yunani kuno iaitu okeanoe yang pada awalnya adalah merujuk kepada laut-laut yang memisahkan antara daratan Eropah hingga daratan Afrika tetapi tidak termasuk Laut Tengah. Dalam cerita rakyat Yunani kuno, okeanoe dianggap sebagai penjelmaan dewa Oceanus yang turun ke bumi dari planet Uranus yang kemudian berkahwin dengan Dewi Bumi Gaia. Melalui kata laut dan lautan telah mewujudkan satu istilah baharu iaitu "kelautan" yang biasanya digunakan sebagai kata khas dalam bahasa perundangan mahupun pentadbiran seperti undang-undang kelautan, kebijakan kelautan, negara kelautan dan sebagainya yang disebut sebagai "supra sistem atau induk" oleh Bonar Simangunsong (2015) yang merangkumi sektor pelayaran, perikanan, pelancongan, migrasi, cukai, keamanan, pertahanan dan sebagainya

Dari segi akademik dan teknikalnya pula istilah kelautan dapat diertikan sebagai ilmu yang mempelajari segala hal-ehwal laut samada dari aspek kemanusiaan (*human oceanography*) yang merangkumi aktiviti perikanan, teknologi menangkap ikan, persempadanan, perundangan dan sebagainya; aspek fizikal kelautan (*physical oceanography*) yang merangkumi ilmu geogologi laut (*geological oceanography*) dan ilmu *meteorology* tentang iklim dan cuaca, kimia laut (*chemical oceanography*) dan biologi laut (*biological oceanography*). Kini timbul pula cabang baharu dalam ilmu kelautan iaitu ilmu kejuruteraan kelautan (*ocean engineering*) yang melibatkan bidang pembinaan kapal, petroleum dan gas, tenaga elektrik yang dikenali sebagai OTEC (*Ocean Temperature Electrical Conversion*), jeti, sea-wall dan sebagainya. Pada hari ini terdapat juga beberapa istilah lain berkaitan dengan laut seperti dan sebagainya yang lebih berorientasikan sains marin, ahli ekonomi dan sains politik.

Apabila membincangkan istilah laut, lautan, samudera dan bahari dari perspektif ilmu kelautan maka secara langsung istilah maritim akan muncul dengan sendirinya sebagai sebuah istilah yang mampu menjelaskan pemaknaan dan ruang lingkup istilah-istilah di atas. Istilah maritim yang diterimapakai pada masa kini pula adalah berasal daripada perkataan Inggeris iaitu maritime yang juga berasal dari bahasa Latin iaitu myryayne, maritayne, maritime-us dan mariten. Mari atau Mare dalam bahasa Yunani bermaksud laut, kehidupan dekat laut atau hal-ehwal yang berkaitan pelayaran. Dalam Kamus Besar Bahasa Indonesia (KBBI), istilah maritim adalah merujuk kepada (1) segala sesuatu yang berkaitan dengan laut dan (2) berhubungan dengan pelayaran dan perdagangan di laut. Istilah maritim juga selalunya disinonimkan dengan perkataan bahari yang bermaksud (1) dahulu kala, kuno; (2) indah, elok sekali dan (3) mengenai laut atau bahari. Oleh yang demikian dapatlah dirumuskan istilah maritim adalah merujuk kepada bidang pengajian yang bersangkut-paut dengan aktiviti atau kegiatan manusia di masa lampau yang berkaitan dengan aspek-aspek kemaritiman terutamanya pelayaran dan perdagangan.

Dalam Wikipedia Encyclopedia telah merujuk istilah maritim sebagai "*primarily an adjective that describes objects or activities related to the sea*" atau kata sifat untuk menggambarkan objek atau aktiviti yang berkaitan dengan laut. Dari segi sejarahnya, istilah maritim adalah satu istilah baharu dan tidak terbit daripada bahasa Melayu melain dipinjam daripada bahasa Inggeris. Kerana itu peradaban atau tamadun berdasarkan kelautan yang dibangunkan oleh para pelaut di Nusantara atau Kepulauan Melayu pada masa dahulu tidak pernah disebut sebagai tamadun maritim melainkan peradaban atau tamadun Melayu

sahaja kerana perkataan Melayu sudah menggambarkan manusia-pelaut (*seafarers*) dan istilah maritim hanya wujud pada abad ke-14 iaitu pada Zaman Renaissance (kebangkitan) apabila bangsa-bangsa Eropah mula mengalihkan pandangan dunia atau *worldview* mereka daripada berorientasikan kepada daratan juga kepada laut dan lautan.

Dengan merujuk kepada Kamus Besar Bahasa Indonesia (KBBI), maritim juga dirujuk sebagai kelautan yang diertikan sebagai perihal yang berhubung dengan laut tetapi hanya dalam aspek fizikal sahaja seperti air laut, arus, pulau dan biodiversiti marin sahaja yang belum lagi dimanfaatkan oleh manusia. Istilah "maritim" dalam KBBI diertikan sebagai segala yang berhubungan dengan laut yang dilihat dari segi manfaatnya seperti yang berkaitan dengan pelayaran, pengangkutan, perdagangan dan perindustrian. Dalam erti kata lain istilah maritim tidak hanya merujuk kepada aspek fizikal semata-mata tetapi sudah memperlihatkan adanya campurtangan atau pengaruh manusia terhadapnya. Sementara itu, istilah "bahari" pula berasal daripada perkataan Arab iaitu bahr yang bererti laut yang mewujudkan beberapa istilah seperti wawasan bahari, budaya bahari, negara bahari, sejarah bahari, paradigma bahari, jiwa bahari, pariwisata (pelancongan) bahari dan sebagainya. Dalam KBBI pula istilah bahari mempunyai pelbagai makna seperti masa lampau, bari (lama), kuno, dahulu-kala, indah, yang dilindungi dan berkenaan laut yang merujuk kepada segala berkaitan laut yang dapat dilihat dari segi keindahan, budaya dan warisannya.

Apakah pula yang dimaksudkan dengan istilah "historiografi" dan "historiografi maritim"? Secara amnya "historiografi" bermaksud ilmu yang mempelajari segala praktik dalam ilmu sejarah sebagai satu disiplin akademik dan istilah "historiografi maritim" pula merujuk kepada penulisan sejarah dan perkaedahannya dengan menjadikan historiografi maritim sebagai tema utamanya. Histiografi terbentuk dari dua perkataan iaitu history bermaksud sejarah dan graph bermaksud tulisan. Melalui historiografi sudah pastinya akan dapat membimbing para sejarawan untuk menggunakan metod-metod yang bersesuaian dalam penelitian samada kajian bersifat *problem oriented* atau *non problem oriented*, menulis peristiwa di masa lalu secara kronologi dan sistematis, menjadikan sejarawan lebih berfikiran kritis dan historis. Sejarah sebagai suatu disiplin ilmu yang mempunyai pengkaedahannya yang tersendiri hanya akan menggunakan istilah historiografi dan tidak akan menjadi istilah *historiology* seperti antropologi, sosiologi dan sebagainya.

Pada hari ini timbul pula satu istilah baharu iaitu *new historiography* yang dipopularkan oleh Shahril Talib Robert terutamanya apabila meneliti semula pensejarahan dari perspektif kolonialisme dan kapitalisme dan menggunakan pendekatan multi-disiplin. Penggunaan pelbagai istilah oleh para cendikiawan atau ilmuan dalam menjalankan penelitian dan penulisan berhubung ilmu kelautan ini juga telah mewujudkan pelbagai dalam bidang sejarah. Ada sesetengah sejarawan cenderung untuk menggunakan istilah sejarah kelautan, sejarah maritim, sejarah bahari dan sejarah samudera, ancient maritime history, nautical history dan sebagainya yang berbeza-beza dari segi pengertian, masa, ruang dan skop perbincangannya. Secara umumnya, istilah, konsep dan ruang lingkup sejarah maritim boleh diertikan seperti berikut:

*"Maritime history is the study of human interaction with and activity at sea. It covers a broad thematic element of history that often uses a global approach, although national and regional histories remain predominant. As an academic subject, it often crosses the boundaries of standard disciplines, focusing on understanding mankind's various relationships to the oceans, seas, and major waterways of the globe... But revisionist scholars are creating new turns in the study of maritime history. This includes a post 1980s turn towards the study of*

*human users of ships (which involves sociology, cultural geography, gender studies and narrative studies) and post 2000 turn towards seeing sea travel as part of the wider history of transport and mobilities ” ([https://en.m.wikipedia.org/wiki/Maritime\\_history](https://en.m.wikipedia.org/wiki/Maritime_history)).*

Melalui pendefinisian ini, ruang lingkup sejarah maritim nampaknya telah diperluaskan lagi iaitu merangkumi pelbagai tema seperti *ancient times, age of navigation, ships and vessels,57maritime of discovery, age of discovery, European expension, European colonization, clipper rute, end of exploration, age of sail, Ming exploration, Spanish and English armades, North American maritime, challenger expedition, end of the sail, submarines, age of steam, rise of the steam vessels* dan juga termasuk notable individuals, pencarian harta karun dan arkeologi dan pengurusan bawah air. Ini bermaksud bahawa penelitian dan penulisan berhubung sejarah maritim bukan lagi dibataskan oleh suatu masa dan ruang menurut tahap-tahap atau kronologi sejarah tetapi juga turut meneliti dan menulis hal-hewal semasa kelautan pada masa kini yang dikenali sebagai “sejarah maritim kontemporer”. Contohnya, isu dan persoalan semasa yang melibatkan bajak laut (lanun), jenayah rentas sempadan, perundungan persemadian maritim, petempatan atas air, migrasi manusia, tuntutan bertindih, konflik di laut dan sebagainya nampaknya mula mendapat tempat dalam kalangan sarjana dan berupaya untuk dijadikan pihak pemerintah dalam menangani persoalan-persoalan semasa negara pada masa kini.

Walaupun terdapat pelbagai istilah yang digunakan namun kesemua istilah yang telah dijelaskan di atas masih lagi berpaksikan kepada laut dan lautan sebagai dasar kesarjanaan dan yang hanya membezakannya hanyalah dari aspek tujuan ilmu sahaja. Dalam menjalankan penelitian dan penulisan berhubung dengan sejarah kelautan, saya lebih cenderung untuk menggunakan istilah maritim disebabkan istilah ini terus merujuk kepada laut dan lautan berbanding dengan istilah bahari yang juga mempunyai makna lain selain daripada laut dan lautan. Selain itu istilah maritim pada juga lebih bersifat global dan merentas ilmu kelautan itu sendiri setelah mengambilkira akan kewujudan pelbagai cabang sejarah laut dan lautan pada masa kini. Sekiranya sesuatu penelitian dan penulisan itu bersifat “sejarah perse” sepenuhnya iaitu dibatasi dengan ruang, masa dan berpaksikan kepada sejarah awal Nusantara atau juga dikenali sebagai Nusantara, Kepulauan Melayu (*Malay Archipelago*) atau Alam Melayu (*Malay World*) maka wajar digunakan istilah sejarah bahari sahaja kerana ianya merujuk kepada satu konsep geo-politik pada suatu masa dahulu sebelumnya yang diungkapkan oleh A.B. Lapian (1992) semasa pidato pengukuhan kesarjanaanya yang mengatakan bahawa “Sejarah Nusantara Sejarah Bahari”. Dari segi subjek dan akademik pula, sejarah maritim atau *maritime history* menurut Bonar Simangunsong (2015:17) dalam bukunya yang berjudul Laut, Masa Depan Indonesia adalah seperti berikut:

“...Sejarah maritim (*maritime history*), yaitu suatu studi tentang kegiatan manusia di laut. Sejarah tersebut meliputi unsur sejarah yang tematis dan umum serta digunakan sebagai pendekatan global, walau sebenarnya utamanya adalah sejarah nasional dan regional. Sebagai subjek akademik, sejarah maritim sering kali melewati batas-batas disiplin ilmu, terfokus pada pengertian berbagai hubungan kemanusiaan dengan kelautan, laut dan berbagai jalan laut dunia. Sejarah nautika, bagian dan sejarah maritim umpamanya, direkam dan diterjemahkan peristiwa-peristiwa tentang kapal, perkapanan, navigasi dan

pelaut-pelaut di masa lalu...sejarah berbagai negara yang terkait dengan ilmu pengetahuan seperti oceanografi, kartografi, hidrografi, eksplorasi di laut, ekonomi dan perdagangan maritim, perkapalan, kapal siar, resort dekat laut (*sea-side*), sejarah lampu suar, tema-tema 58maritim dalam kepustakaan, tema-tema maritim dalam seni, sejarah maritim para pelaut dan penumpang kapal dan komunitas-komunitas yang terkait dengan laut”

Dengan mengambilkira kepelbagaian istilah dan ruang lingkup ini maka sudah pastinya para sejarawan tidak akan dapat merumuskan penelitiannya dengan baik sekiranya hanya mengutamakan kepada fakta-fakta yang ditemuinya dalam bentuk sumber-sumber primer dan sekunder tanpa memahaminya tradisi maritim dan budaya maritim itu sendiri dalam konteks pencejahanan di Nusantara yang amat beragam dalam tradisi, budaya, suku, agama mahupun kearifan lokalnya. Oleh yang demikian dapatlah disimpulkan di sini bahawa tradisi maritim merupakan salah satu aspek dari kebudayaan maritim sedangkan budaya maritim adalah aspek-aspek yang berkaitan dengan maritim seperti perkapalan, pelayaran, perdagangan, perompakan dan pengetahuan tentang kelautan. Selain istilah-istilah di atas terdapat juga istilah baharu seperti “laut sejarah” dan “sejarah laut” yang diperkenalkan oleh A.B. Lapian. Walaupun pada prinsipnya kedua-dua istilah ini sama pengertiannya namun jika dilihat dari perspektif metafora dan konteksnya adalah dua perkara berbeza. Laut sejarah merupakan satu metafora yang memperlihatkan bahawa laut adalah kehidupan manusia dan sejarah laut pula adalah aktiviti yang berkaitan dengan aktiviti manusia di laut pada masa lampau.

Untuk meraikan kepelbagaian istilah dan perbezaan makna dalam pengistilahan itu sendiri maka dalam penelitian ini akan menggunakan istilah sejarah maritim sahaja setelah mengambilkira perubahan-perubahan terkini dari segi ruang-lingkup pengajian 58maritim itu sendiri. Saya juga berpandangan istilah maritim ini lebih luas maknanya daripada istilah bahari, kelautan atau samudera kerana selain membincangkan elemen-elemen kelautan dari segi fizikal ianya juga turut membincangkan hal-ehwal berkaitan hubungan manusia dengan laut yang merangkumi pandangan dunia, bagaimana masyarakat memanfaatkan laut sebagai asas peradaban yang melibatkan kebudayaan, perdagangan, pengembalaan, pembukaan petempatan baru, peperangan, pelabuhan, kerajaan dan sebagainya. Selain dari itu, penggunaan istilah sejarah maritim juga amat bersesuaian dalam konteks terkini Asia Tenggara yang mula berubah dan menjadikan laut dan lautan sebagai agenda utama negara.

Pada akhir abad ke-20 telah memperlihatkan ruang lingkup sejarah maritim diperluaskan lagi dengan memasukkan arkeologi maritim (*maritime archaeology*) dan arkeologi bawah air (*underwater archaeology*) sebagai salah satu cabang baharu dalam ilmu sejarah maritim. Secara amnya terdapat perbedaan dalam dua disiplin ini di mana arkeologi maritim adalah merujuk kepada penelitian tentang interaksi manusia dengan laut, danau dan sungai yang merangkumi manifestasi material, budaya maritim, angkutan air (*vessels*), pelabuhan, gudang, galangan kapal, rumah api, pelampung suar (*buoylight*), benteng-benteng laut, kargo termasuk sisa-sia manusia (*human remains*) samada dalam bentuk benda (*tangible*) atau bukan benda (*intangible*). Sementara itu arkeologi bawah air pula adalah merujuk kepada penelitian masa lalu berhubung tingalan-tingalan budaya yang ada di dasar laut, danau dan sungai (*submerged remains*) khususnya kapal-kapal karam dan muatannya seperti seramik, kaca, mata wang, barang logam dan sebagainya. Istilah 58maritim juga sama sekali tidak boleh dipisahkan daripada pelakunya.

Pada masa kini terdapat juga sedikit kekeliruan dalam pengistilahan “orang laut”. Secara umumnya masyarakat pada hari ini telah mengidentifikasi atau mengklasifikasikan semua

orang yang kehidupannya berasaskan laut sebagai orang laut, pengembala laut, sea-nomads dan sea-gypsies. Pada hakikatnya, istilah orang laut adalah merujuk kepada nama khas kepada satu suku pelaut yang tinggal di dalam perahu dan hidup berkelana di Selat Melaka, Riau dan Johor yang diperkirakan telah wujud sejak zaman Srivijaya lagi. Semasa era kerajaan Srivijaya, Majapahit, Melaka, Johor-Riau, walaupun mereka ini belum lagi mengenal apa itu raja, sultan atau kerajaan namun orang laut yang hidup tanpa tuan ini telah memainkan peranan yang cukup signifikan dalam menentukan kejayaan kepada kerajaan-kerajaan sebagai kerajaan maritim di atas iaitu sebagai parajurit dan penjaga laut dan sebagai imbuhannya mendapat kebenaran untuk tinggal dan perlindungan pemerintah.

Bagi pelaut-pelaut lain yang kehidupan mereka juga menyamai suku orang laut di Selat Melaka, Riau dan Johor dan berada di kawasan lain seperti di Jawa, Kalimantan, Sulawesi, Maluku dan Banda tidak dirujuk sebagai orang laut tetapi digelar sebagai orang Bajo, Mandar, Buton, Bugis, Sangir, Talaud, Tobello dan di selatan Filipina seperti orang Bajau, Taosug, Illanon, Balangingi dan sebagainya yakni samada berdasarkan kepada nama asal tempat tinggal (nama pulau) atau gelaran yang mereka berikan. Contohnya, pelaut Bajau tidak mengidentifikasi atau menggelar diri mereka sebagai Bajau tetapi lebih terperinci lagi iaitu Sama, Sammah, Samal atau Samal di Laut dan menggelarkan orang Bajau dan lain-lain orang yang tinggal di darat sebagai "orang Bagai" (Franqois Robert Zacot: 2008; David E. Sopher:1977; Clifford Sather:1997; A.B. Lapian: 2011 & Ismail Ali: 2016). Bertitik tolak daripada kedinamikan dalam pengistilahan suku-suku pelaut di Nusantara ini maka saya menyarankan sudah tiba masanya untuk tidak lagi mengidentifikasi atau mengklasifikasikan semua mereka yang kehidupannya berkelana laut sebagai orang laut tetapi mengistilahkan mereka sebagai "manusia laut atau manusia pelaut" sahaja. Sementara itu, A.B. Lapian (A.B. Lapian: 2011) dalam karyanya yang berjudul Orang Laut, Bajak Laut dan Raja Laut pula telah mengklasifikasikan suku-suku pelaut yang terlibat dalam dunia laut di Indonesia kepada tiga kelompok iaitu orang laut, bajak laut dan raja laut.

Dari segi pandangan dunia atau worldview juga memperlihatkan wujudnya keragaman dalam memandang laut dan lautan dalam sejarah peradaban manusia. Secara ringkasnya keragaman pandangan ini dapat dibahagikan kepada dua iaitu memandang laut sebagai sumber dan inspirasi kehidupan dan satu pandangan lagi memandangnya sebagai tantangan kehidupan berupa pemisah, penghalang, menakutkan dan sebagainya. Bagi para pelaut, pelayar, pedagang dan pemerintah di timur tengah, India, China dan Nusantara nampaknya sudah sekian lamanya memandang laut dan lautan sebagai sumber dan inspirasi untuk mencapai kejayaan. Justru itu sejak awal abad masehi lagi para pelaut, pelayar, pedagang dan pemerintah di Nusantara telah mengharungi dan menguasai bukan sahaja laut-laut disekiranya tetapi juga lautan dunia untuk sampai ke pelbagai pelusuk dunia sehingga berjaya menjadi sebuah bangsa yang cukup disegani. Cara pemikiran dan pandang laut ini nampaknya jauh berbeza dengan bangsa Eropah pada abad pertengahan atau middle-ages yang terkongkong dengan pemikiran ortodoks (keagamaan mengatasi keintelektualan) sehingga membataskan pelayaran mereka. Jauh sebelum itu lagi, pelbagai gambaran telah dilontarkan kepada laut dan lautan seperti suatu kawasan yang amat berbahaya, dibayangi kematiian kerana masih beranggapan bahawa bumi ini adalah rata, dipenuhi dengan raksasa berbahaya (monster) dan sebagainya.

Boleh dikatakan ksedaran bangsa Eropah untuk menguasai lautan terbuka dunia untuk mencapai kejayaan hanya terjelma apabila dua kuasa maritim dari Eropah iaitu Portugal dan Sepanyol telah memecahkan tradisi tersebut lewat abad ke-16 melalui Perjanjian Tordesillas pada tahun 1498 yang membahagikan lautan di sebelah timur milik Portugal dan lautan di sebelah barat milik Sepanyol. Melalui konsep mare-clausum (laut tertutup) dan kemudiannya

mare-liberum (laut bebas) yang mendukung doktrin monopoli, kapitalisme dan imperialisme ini juga akhirnya telah meruntuhkan "semangat kelautan" yang melihat laut dan lautan sebagai sumber inspirasi yang sekian lama telah diperjuangkan oleh para pelaut, pelayar, pedagang dan pemerintah sebelumnya. Sebagai rumusannya dapatlah dikatakan bahwa penelitian dan penulisan berhubung sejarah maritim merupakan satu bidang yang cukup luas dan tanpa sempadan sepertimana yang telah dijelaskan oleh S.K. Wahyono (2009:30) seperti berikut:

"Laut tidak mungkin dapat dipagari, apalagi diduduki sepanjang tahun. Bahkan massa airnya pun terus bergerak, mengalir mengitari bumi, sehingga tidak mungkin ada bagian dari massa air yang bisa diklaim milik satu negara tertentu. Kerana pada saat pengumumannya di buat, massa air yang diklaim itu sudah bergerak jauh meninggalkan tempat itu. Demikian pula halnya dengan ikan-ikan di dalam air itu, mereka bebas bergerak dari satu tempat ke tempat yang lain, bahkan bertelur dan menetas di suatu tempat dan besar di tempat yang lain"

Setelah memhami konsep dan ruang lingkup histiografi maritim maka apakah pula yang dimaksudkan dengan istilah Nusantara? Perkataan Nusantara buat pertama kalinya muncul dalam lipatan sejarah di rantau ini semasa era kerajaan Majapahit (1293-1478) di Jawa di bawah pemerintahan Hayam Wuruk dan Patih Gadjah Mada (Perdana Menteri). Nusantara berasal dari perkataan Jawa iaitu "Nusa" (island) dan "Antero" (other, as a whole) yang dicipta oleh Patih Gajah Mada untuk memperkuatkan pusat kerajaan Majapahit yang berpusat di Jawa dan cengkamannya ke atas empayar dan wilayah takluknya yang terdiri dari tiga unit asas politik iaitu negara agung (*grand state*), mancanegara (*countries surrounding*) dan Nusantara (*areas which do not resonate Javanese culture, but sometimes still claimed as colonies where they had to pay tribute*). Sewaktu pertabalanannya sebagai pepatih, Gadjah Mada telah melafazkan satu sumpah yang dikenali sebagai Sumpah Amukti Palapa yang dicatatkan dalam kitab Pararaton (Djoko Pramono, 2005:56) seperti berikut:

"Sira Gadjah Mada pepatih amungkubumi tan ayun amukti palapa, sira Gajah Mada: Lamun huwus kalah Nusantara ingsun amukti palapa, lamun kalah ring Gurun, ring Seram, Tanjungpura, ring Haru, ring Pahang, Dompo, ring Bali, Sunda, Palembang, Tumasik, samana ingsun amukti palapa" (Terjemahan: Gadjah Mada Sang Maha patih tak akan menikmati palapa, berkata Gadjah Mada "Selama aku belum menyatukan Nusantara, aku takkan menikmati palapa. Sebelum aku menaklukkan Pulau Gurun, Pulau Seram, Tanjungpura, Pulau Haru, Pulau Pahang, Dompo, Pulau Bali, Sunda Palembang, Tumasik, aku takkan mencicipi palapa).

Dalam sumpah tersebut, Patih Gadjah Mada telah bersumpah dengan berkata "lamun huwus kalah nusantara, isun amukti palapa" yang bermaksud "Jika telah kalah pulau-pulau seberang, barulah saya menikmati istirahat". Beliau juga bersumpah tidak akan menjamah atau makan palapa atau rempah selagi belum berhasil menyatukan wilayah-wilayah yang dirujuknya sebagai Nusantara di bawah kekuasaan Majapahit. Sepertimana yang semua maklum, Nusantara sebelum bermulanya abad masehi sehingga akhir abad ke-16 atau lebih tepatnya lagi sebelum dijajah oleh kuasa-kuasa barat telah memiliki satu perjalanan sejarah yang cukup panjang, mempunyai wilayah yang cukup luas, menerima pelbagai pengaruh peradaban dunia dan keberagaman penduduknya sehingga mewujudkan pelbagai hipotesis

dan teori mengenai asal-usul pensejarahan dan peradabannya. Ini disebabkan kerana lokasinya yang cukup strategik iaitu terletak diantara dua benua utama dunia iaitu benua Asia dan benua Australia dan dua lautan utama dunia iaitu Lautan Hindi di sebelah barat dan selatan dan Lautan Pasifik di sebelah timur dan utara. Akibat daripada keberagaman dalam perjalanan sejarahnya, keluasan geo-politiknya dan kekurangan rekod-rekod yang mencatat kesejarahannya ini telah menjadikan pensejarahan maritim di Nusantara lebih bersifat dinamis, unik dan mencabar untuk dikaji.

Dengan mengambilkira laut dan lautan ini telah wujud sejak jutaan tahun yang lalu, memandang laut dan lautan sebagai suatu dunia yang mengerikan dan keterbatasan catatan dan rekod mengenainya, maka bukanlah menjadi satu tugas yang mudah untuk merungkai sejarahnya ini. Dengan berlatarbelakangkan fakta geografi bahawa sekitar 70% keluasan muka bumi adalah terdiri daripada air terutama laut dan lautan, kejadian dan kehidupan makhluk di dalamnya penuh dengan mistri, suatu dunia yang dibayangi dengan pelbagai mitos dan tahuul dan sebagainya telah menyebabkan dunia kelautan ini lambat diteroka dan di jelajah oleh manusia berbanding dengan dunia daratan. Boleh dikatakan kesedaran para sarjana akan peri pentingnya untuk memahami dan menguasai ilmu berkaitan kelautan ini mula timbul apabila mula menyedari peranan dan sumbangan laut dan lautan dalam agenda pembinaan peradaban atau tamadun di dunia. Bermula dengan ilmu pengetahuan dan teknologi pelayaran yang agak terbatas tetapi mempunyai semangat dan keberanian yang tinggi maka para pelaut pra-sejarah (pra-aksara) mula berjaya mendampingi dan memanfaatkan laut dan pulau yang berada berhampiran dengan ruang lingkup kehidupan mereka.

Apabila berakhirnya zaman pra-sejarah dan munculnya zaman sejarah yang ditandai dengan kemunculan pelbagai kerajaan awal dunia telah memperlihatkan kesungguhan para pemerintah, pelayar dan pedagang bukan sahaja menguasai laut disekeliling mereka tetapi juga lautan lepas yang ditandai dengan kegigihan dan keberanian para pelaut Arab, Parsi, India, Funan, China dan Nusantara mengharungi pelbagai laut dan lautan dunia untuk tujuan bermigrasi dan berdagang yang akhirnya muncul menjadi kuasa utama maritim dunia. Sejarah kejayaan mereka ini akhirnya telah membuka minda para pelaut dan pedagang Eropah bukan sahaja berpaksikan daratan tetapi juga memandang laut dan lautan sebagai agenda penting pembentukan sebuah negara-bangsa. Justru itu tidak hairanlah mengapa bermula pada abad ke-6 hingga abad ke-19, laut dan lautan utama dunia mula dihiasi dengan pelbagai perahu dan kapal bukan sahaja untuk kepentingan perdagangan tetapi juga perluasan empayar.

### **3. SEPINTAS LALU HISTORIOGRAFI KELAUTAN DI ASIA TENGGARA**

Dari segi ilmiahnya, minat untuk meneliti dan menulis berhubung hal-hewal kelautan dalam kalangan para sarjana dalam pelbagai disiplin ilmu mulai terjelma apabila menyedari berlakunya ketidakseimbangan dalam penelitian dan penulisan iaitu lebih berorientasikan daratan berbanding kelautan, kelompongan yang berlaku dalam ilmu kelautan, melihat peranan dan sumbangan kelautan dalam pembentukan peradaban dunia dan akhirnya apabila Alfred Thayer Mahan (1890) mengeluarkan *Theory Sea Power and Sea Naval* melalui bukunya yang berjudul *The Influence of Sea Power Upon History* 1660-1783. Perbincangan berhubung ruang lingkup sejarah maritim tidak akan lengkap dan sempurna tanpa membincangkan satu perkara pokok yang mendasari sesuatu penelitian dan penulisan iaitu sumbernya. Adalah diperakui bahawa sumber-sumber primer dalam bentuk tulisan yang tersimpan dalam kalangan manusia pelaut berhubung pensejarahan maritimnya sendiri sukar untuk ditemukan disebabkan budaya penulisan yang belum lagi berkembang dalam kalangan

manusia pelaut melainkan banyak bergantung kepada sumber arkeologi, lukisan gua, cerita lisan dan catatan para pelaut, pelayar dan pedagang dari luar sahaja. Menurut A.B. Lapian (2011:24):

“Bagi setiap studi sejarah (maritim), soal sumber merupakan masalah yang pokok. Di bagian terdahulu telah disebut beberapa karya tulis mengenai kawasan Laut Sulawesi yang bisa berperan sebagai sumber primer maupun sekunder. Adalah suatu kenyataan bahawa sumber ini sebagian besar berasal dari luar, sebab-seperti halnya pada banyak suku bangsa di kawasan Asia Tenggara-tradisi tulis-menulis di kalangan penduduk setempat belum membudaya sehingga sumber tertulis mengenai peristiwa masa lampau sangat langka”

Kebanyakan histiografi maritim di Nusantara banyak bergantung kepada penelitian dan penulisan para sejarawan dari luar dalam bentuk buku, monograf, ensiklopedia dan jurnal termasuk penganjuran pelbagai persidangan bertaraf dunia. Pada hari ini terdapat beberapa badan atau institusi terkemuka dunia yang bergiat aktif dalam menerbitkan pelbagai kerja-kerja akademik berkaitan dengan aspek maritim seperti International Journal of Maritime History (IJMH), National Maritime Historical Society, Oxford Encyclopedia of Maritime History dan sebagainya. Dalam bidang penerbitan pula terdapat pelbagai karya ilmiah yang telah diterbitkan mengenai hal-hal sejarah maritim dunia. Antaranya termasuklah buku yang berjudul 1421 *The Year China Discovered the World* karya Gavin Menzes; *A Brief History of British Sea Power* karya David Howarth; *The Boundless Sea* karya David Abulafia; *In the Heart of the Sea* karya Nathaniel Philbrick; *Shadow of the Titanic* karya Andrew Wilson; *A Brief History of Fighting Ships* karya David Tudor Davies; *Empires of the Sea* karya Roger Crowley; *The Shipwreck* karya Sam Willis; *Merchant Adventures* karya James Evans; *Europe Between the Oceans* karya Sir Barry Cunliffe; *The Last Crusade* karya Nigel Cliff; *Trade and Civilization in the India Ocean* karya K.N. Chauduri; *The Influence of Sea Power Upon History 1660-1783* karya Alfred Thayer Mahan; *Arab Seafaring* karya George F. Hourani; *Boats of the World: From the Stone Age to Medieval Times* karya Seán McGrail; *The Sea, Identity and History: From the Bengal to the South China Sea* karya Satish Chandra & Himanshu Prabha Ray (ed.), *The Lost Civilization of Lemuria: The Rise and Fall of the World's Oldest Culture* karya Frank Joseph; *Voyages that Changed the World* karya Peter Aughton; *Jelajah Ulung Dunia: Perjalanan Para Penjelajah Besar* karya Jon Balchin; *The Indian Ocean in World History* karya Milo Kearney; *Maritime Southeast Asia to 1500* karya Lynda Noren Shaffer dan lain-lain lagi.

Dari segi tema penelitian dan penulisan oleh para sejarawan luar pula nampaknya masih lagi terbatas iaitu menjurus kepada tema-tema tertentu sahaja yang berkaitan dengan hal-hal perdagangan, pelayaran, pelaut, perkapalan, pelabuhan, perperangan di laut dan perompakan. Contohnya, sejarawan Belanda iaitu J. C. van Leur (1967) dalam karyanya yang berjudul *Indonesian Trade and Society: Essays in Asian Social and Economic History* yang menfokuskan kajiannya kepada perdagangan awal di Asia Tenggara sehingga pertapanan VOC merumuskan bahawa corak pedagangan masa itu lebih bersifat perdagangan barang-barang lux (mewah) tetapi bernilai tinggi untuk pasaran Eropah. Sementara itu, Meilink-Roelofs (1962) dalam karyanya yang berjudul *Asian Trade and European Influence in the Indonesian Archipelago between 1500 and about 1630* mengatakan bahawa perdagangan masa itu bersifat besar-besaran yang ditandai dengan pedagangan rempah ratus dan lada yang

memerlukan kapal-kapal besar. Sementara itu, pengaruh perdagangan bagi perkembangan masyarakat pesisir di Nusantara telah dikaji O.W. Wolters (2011) melalui karyanya yang berjudul Kemaharajaan Maritim Srivijaya dan Perniagaan Dunia Abad III-bad VII dan dalam kajiannya ini merumuskan bahawa kemunculan kerajaan-kerajaan awal di Asia Tenggara adalah akibat reaksi penduduk setempat yang melihat adanya ruang dan peluang berdagang dengan para pedagang asing.

Kenneth R. Hall (1985) dalam karyanya yang berjudul *Maritime Trade and State Development in Early Southeast Asia* pula mengaitkan kemunculan kerajaan-kerajaan awal di Asia Tenggara dengan perkembangan perdagangan. Melalui karyanya ini, Hall merumuskan kemasukan para pedagang dari luar seperti Arab, Parsi, India dan China telah merancakan lagi perdagangan di rantau ini dan peluang keemasan ini telah dimanfaatkan sepenuhnya oleh para pemerintah setempat dengan menawarkan pelbagai komoditi dan kemudahan kepada para pedagang asing termasuk menjalinkan hubungan diplomatik seperti dengan China. Anthony Reid (1988) dalam karyanya yang berjudul Dari Ekspansi Hingga Krisis Jaringan Perdagangan Global Asia Tenggara 1450-1680 pula telah memperlihatkan bagaimana kewujudan pelbagai pelabuhan sangat penting dalam menentukan kejayaan perdagangan maritim Asia Tenggara terutamanya dalam menetukan pola-pola pelayaran dan bagaimana para pedagang telah memanfaatkan angin muson yang bertiup teratur sepanjang tahun.

Menurut Reid lagi dari bulan April sampai bulan Ogos, angin akan bertiup ke utara menuju daratan Asia dan sebaliknya dari bulan Disember hingga Mac angin akan bertiup ke arah selatan iaitu dari daratan Asia menuju ke Lautan Hindi dan Laut China Selatan. Perubahan tiupan angin monson ini secara langsung telah mempengaruhi route atau jalur pelayaran dan perkembangan pelabuhan-pelabuhan di Asia Tenggara. Perkembangan aktiviti pelayaran dan perdagangan ini juga nampaknya tidak terlepas daripada masalah perompakan oleh para bajak laut seperti yang telah dikaji oleh A.B. Lapian dalam karya yang berjudul Orang Laut-Bajak Laut-Raja Laut: Sejarah Kawasan Laut Sulawesi Abad XIX dan James F. Warren dalam karya yang berjudul The Sulu Zone. Sementara itu, kekuatan dan keberanian para pelaut Nusantara dalam mengharungi laut dan lautan sehingga mencapai Madagaskar dan pesisir pantai Afrika dan benua Australia (*Marege*) telah dibahaskan oleh Robert Dick-Read dalam karyanya yang berjudul Penjelajah Bahari: Pengaruh Peradaban Nusantara di Afrika.

Pada hari ini, kesedaran para sejarawan tempatan dan luar berhubung penelitian dan penulisan histiografi maritim di Nusantara nampaknya telah mula berkembang dengan pelbagai tema seperti buku yang berjudul Orang Laut-Bajak Laut-Raja Laut: Sejarah Kawasan Laut Sulawesi Abad XIX, Sejarah Nusantara Sejarah Bahari dan Pelayaran dan Perdagangan Nusantara Abad ke-16 dan 17 karya A.B. Lapian; Pengantar Sejarah Maritim Indonesia karya Singgih Trisulistiyono; Altantis The Lost Continent Finally Found karya Arysia Santos; Poros Maritim karya Bernhard Limbong; Penjelajah Bahari karya Robert Dick-Read; Sejarah Maritim Indonesia karya Abd. Rahman Hamid, The Suma Oriental of Tome Pires karya Armando Cortesao; Kerajaan-Kerajaan Awal Kepulauan Indonesia dan Semananjung Malaysia karya Micheal Munoz; Dari Ekspansi hingga Krisis Jaringan Perdagangan Global Asia Tenggara 1450-1680 dan Sejarah Modern Asia Tenggara karya Anthony Ried; *Asian Trade and European Influence in the Indonsian Archipelago between 1500 and about 1630* karya Meilink Roelfsz; Kemaharajaan Maritim Srivijaya dan Perniagaan Dunia Abad III-bad VII karya O.W Walters, The Sulu Zone karya James F. Warren.

Selain itu terdapat juga penulisan lain seperti Early Kingdoms of the Indonesia Archipelago and the Malay Peninsula karya Paul Micheal Munoz; The Prahu, Traditional Sailing Boat of Indonesia karya Adrian Horrode; Laut Nusantara karya Anugerah Nontji; Kepulauan Nusantara: Sebuah Kisah Perjalanan, Kajian Manusia dan Alam karya Alfred Russel Wallace;

Sejarah Maluku: Banda Naira, Ternate, Tidore dan Ambon karya Des Alwi; Sejarah Indonesia Masa Praaksara karya Drs. Herimanto; Nasionalisme, Laut dan Sejarah karya Susanto Zuhdi; Austronesian in Sulawesi karya Truman Simanjuntak (ed.); Budaya Bahari dari Nusantara Menuju Maaram Modern karya Boy Rahardjo Sidiharta; Laut Nusantara karya Anugerah Nontij (1986) dalam Budaya Bahari karya Djoko Pramono; Jagad Maritim karya Darmawan Salman; Al-Quran dan Kelautan karya Agus S. Djamil; Pengantar Ilmu Kelautan karya Wibisono; Pemuda dan Kelautan karya Dr. Adhyaksa Dault; Benua Maritim Indonesia karya Soekarto et. al.; Ekonomi Kelautan karya S. Mulyadi; Phinisi Nusantara Pinisi Perkasa karya C. Kowaas dan Dwi Cahya Endah; Dunia Maritim Pamtai barat Sumatera karya Gusti Asnan; Laksmana Cheng Ho dan Asia Tenggara karya Leo Suryadinata, Dari Pemungutan Tripang ke Penundaan Udang: Sejarah Perkembangan Perusahaan Perikanan di Borneo Utara 1750-1990 karya Mohammad Raduan Mohd. Ariff; Perdagangan dan Perkapalan Melayu di Selat Melaka karya Ahmad Jelani Halimi; Kegemilangan Maritim Kesultanan Melayu Melaka karya Mohd. Samsudin, Zulkarnain Abdul Rahman dan Aziz Ujang (ed.); Sejarah Peradaban Maritim dan Sejarah dan Budaya Perlanunan di Kepulauan Borneo karya Ismail Ali dan sebagainya. Secara keseluruihannya dapatlah dirumuskan bahawa kajian dan penulisan oleh para pengkaji diatas telah memperlihatkan akan kepentingan laut dan lautan kepada agenda pembangunan ekonomi, politik dan sosial kerajaan-kerajaan tradisional dan kerajaan-kerajaan yang merdeka masa kini.

#### **4. KEKUASAAN LAUT DALAM KONTEKS SEJARAH MARITIM**

Sepertimana yang semua maklum bahawa kira-kira 71% muka bumi adalah terdiri daripada air (lautan, sungai, tasik, danau dan sebagainya) dan bakinya 28% adalah tanah sehingga bumi ini dikenali dengan pelbagai nama seperti planet of water, the blue planet and underwater world. Lautan meliputi 361 juta kilometer persegi (139 juta batu persegi) atau 71% dari permukaan bumi dengan jumlah isi padu lautan dianggarkan 1348 juta padu kilometer (324 juta padu batu) dengan purata kedalaman lautan kira-kira 3733 meter (12,247 kaki) dan lautan terdalam ialah 11,022 meter (36,163 kaki). Terdapat lima (5) 5 lautan utama dunia iaitu- Lautan Hindi (28,400,000 batu peresgi), Lautan Pasifik atau Lautan Teduh (64,000,000 batu persegi), Lautan Atlantik (41,744,000 batu persegi), Lautan Antartika (12,451,000 batu persegi) dan Lautan Artik (5,427,000 batu persegi).<sup>i</sup> Ini secara langsung telah membawa satu mesej bertapa luasnya laut dan lautan di muka bumi dan kepentingannya kepada pembinaan peradaban manusia. Kesedaran akan pentingnya laut dan lautan ini telah mendorong UNESCO yang bernaung di bawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) menggubal Undang-Undang Laut Bangsa-Bangsa Bersatu pada tahun 1994 dan menubuhkan satu suruhanjaya yang dikenali sebagai Suruhanjaya Bebas Kelautan Dunia di Tokyo pada tahun 1995.

Memetik kata-kata aluan *Mario Soares* (Portugal) selaku penggerusi suruhanjaya ini dalam Laporan Suruhanjaya Bebas Kelautan Dunia yang bertemakan "Lautan Masa Depan Kita" menyatakan bahawa "laut adalah satu harta yang tidak ternilai, tidak boleh ditukar ganti dan diubah suai...laut adalah satu tempat yang mempunyai kelebihannya tersendiri bagi menyatukan perhubungan di antara negara, membentuk semangat bersatu, saling memahami dan perpaduan (Iskandar Sazlan:2000). Di Barat, usaha untuk menjelajah dan menerokai lautan secara tersusun telah dilakukan oleh Putera Henry (Portugal) pada tahun 1418 dengan memperkenalkan pengajian pelayaran dan menghantar kapal-kapal Portugal ke seluruh lautan dunia. Mario Soares dalam kata alu-aluannya dalam Laporan Suruhanjaya Bebas Kelautan Dunia telah menggambarkan akan semangat bangsa Portugal dalam

menjelajah dan mengharungi lautan dengan memetik kata-kata seorang penyajak berbangsa Portugal iaitu Fernando Pessoa yang berbunyi "laut dipenuhi garam, berapa banyak kamu sebenarnya adalah air mata Portugal" (Iskandar Sazlan, 2000:9).

Atas inisiatif daripada Putera Henry ini telah melahirkan ramai pelayar dan penjelajah lautan terulung dunia seperti Bartholomeu Diaz (1450-1500) yang sampai ke Afrika dan Vasco da Gama yang telah berjaya sampai ke India dan Ferdinand Magellan (1480-1521) telah mengelilingi dunia dan tiba di Filipina antara tahun 1519-1522. Begitu juga dengan pelayar dan penjelajah ulung Sepanyol bernama Christopher Columbus (1451-1506) telah berjaya mendarat di Benua Amerika tahun 1492. Selain Portugal dan Sepanyol, British juga mempunyai beberapa orang pelayar dan penjelajah yang terkemuka seperti James Cook (1728-1779) yang telah sampai ke Antartika, Sir Francis Drake (1545-1596) ke Lautan Pasifik, Sir Walter Raleigh (1552-1618) ke Amerika dan lain-lain lagi. Perancis juga mempunyai beberapa orang pelayar dan penjelajah yang terkemuka seperti Jacques Cartier (1491-1557) yang tiba di Amerika Utara dan Louis Joliet (1645-1700) ke Kanada. Melalui pelayaran dan penjelajahan ini telah membolehkan Portugal, Sepanyol, British, Perancis dan lain-lain muncul sebagai kuasa-kuasa maritim utama dunia pada abad ke-15. Di timur pula, keunggulan para pelayar dan penjelajah yang berasal dari Nusantara dan China ke Lautan Pasifik dan Lautan Hindi juga tidak kurang hebatnya dan dikatakan lebih dahulu daripada pelayar dan penjelajah Barat. Contohnya, China melalui pelayar ulungnya iaitu Zheng He dikatakan telah membuat tujuh kali pelayaran ke Lautan Hindi (India, Parsi, Afrika dan Nusantara) dengan saiz kapal dan bilangan armadanya yang jauh lebih besar daripada Barat. Berbeza dengan Barat, pelayaran dan penjelajahan yang dilakukan oleh China bukannya bertujuan untuk menjajah tetapi perdagangan dan hubungan diplomatik sahaja. Kepentingan laut-laut di rantau ini telah digambarkan oleh Ong Jin Ong Jin Eong & Gong Wooi Khoon (2001:8) dalam buku yang berjudul *The Seas* seperti berikut:

*"For centuries these easily navigated waters have been at the heart of, first, Southeast Asian and then later world maritime trade. These trade brought waves of traders and travelers from China, India and further afield including Arabia and Europe, all of which have influenced the cultures and traditions that developed throughout the country"*


Kepentingan laut dan lautan utama dunia dari segi politik dan ekonomi telah memperlihatkan kemunculan pelbagai tokoh, ilmuan dan pemikir dari pelbagai pelusuk dunia dalam bidang kelautan ini. Melalui kajian dan penulisan mereka ini akhirnya telah berjaya membuktikan akan kepentingan laut dan lautan kepada sesebuah negara yang mempunyai pantai dan laut dan akhirnya mewujudkan pelbagai teori kelautan dan menjadi sebagai satu disiplin ilmu pada hari ini. Antara tokoh-tokoh tersebut termasuklah Fernand Braudel, Alfred Thayer Mahan dan Adrian Bernard Lapian. Fernand Braudel telah dilahirkan pada 24 Ogos 1902 merupakan seorang sejarawan Perancis yang terkenal sebagai pendukung "Annales School" yang memperkenalkan satu istilah dalam sejarah yang dikenali sebagai Total History (Sejarah Total). Kajian tentang sejarah maritim buat pertama kalinya telah dipelopori oleh Braudel melalui karyanya yang berjudul *The Mediterranean and The Mediterranean World in the age of Philip II* (La Méditerranée et le Monde Méditerranéen à l'Epoque de Philippe II ) yang mengkaji tentang sejarah *Mediterranean* atau Laut Tengah atau Mare Nostrum dalam bahasa Latin.

Karyanya tentang Laut Tengah ini telah menandai perkembangan awal “sejarah structural” yang memberi perhatian kepada pengaruh laut terhadap perubahan-perubahan ekonomi dan politik.




Dalam pemikirannya ini, Braudel telah mengatakan bahwa laut (dalam hal ini merujuk kepada Laut Tengah) merupakan suatu entiti yang mengintegrasikan pelbagai elemen sosial budaya dari berbagai kelompok sosial dan etnik yang tinggal di kawasan Laut Tengah. Dalam erti kata lain Braudel merumuskan bahawa sejarah kawasan Laut Tengah merupakan sejarah “interconnection” di antara pelbagai budaya dan masyarakat yang tinggal di sekeliling Laut Tengah yang meliputi Afrika Utara, Asia Barat, dan Eropa Selatan dan Barat. Dalam penelitiannya, Braudel mendapati selama berabad-abad lamanya Laut Tengah telah berfungsi sebagai jambatan dan saluran yang telah mewujudkan pertukaran budaya, ekonomi, dan politik yang sangat beragam. Menurut Braudel sebelum pendekatan penulisan *Annales*, penelitian dan penulisan sejarah hanya bertumpu kepada *courte durée* (tempoh-pendek) atau *histoire événementielle* (peristiwa bersejarah) sahaja dan mengatakan para sejarawan kurang memberi tumuan kepada sejarah politik dan diplomatik (*histoire événementielle*).

Sementara itu Alfred Thayer Mahan (Rear Admiral ) yang terkenal sebagai pengasas Teori Sea-Power and Sea-Naval lahir pada 28 September 1840 di New York, Amerika Syarikat merupakan seorang pegawai dalam Angkatan Tentera Laut Amerika pada abad ke-20. Sepanjang kerjayanya sebagai seorang tentera laut beliau telah mengabadikan pengalaman dan pemikirannya berhubung kekuasaan laut. Melalui beberapa karyanya seperti *The Influence of Sea Power Upon History, 1660-1783*, *The Influence of Sea Power Upon the French Revolution and Empire, 1793-1812* dan *The Major Operations of the Navies in the War of American Independence* buat pertama kalinya dalam sejarah telah meahirkan istilah *Sea Power* yang akhirnya telah menjadikan Amerika sebagai kuasa laut utama dunia. Ketokohan Mahan sebagai pemikir dan perancang strategik kelautan Amerika telah menyebabkan beliau dinobatkan dengan gelaran “the most important American strategist of the nineteenth century” oleh John Keegan.



Mahan yang cukup terkenal dengan teori Sea-Power and Sea Naval (1890) telah menyatakan bahawa untuk menjadi sebuah negara maritim (*maritime state*) yang kuat hendaklah memberi perhatian penuh kepada kekuatan armada laut untuk memastikan kelangsungan kedaulatan wilayah, ekonomi dan kesejahteraan negara. Melalui teori ini Mahan telah mengusulkan enam (6) elemen penting yang perlu didukung oleh sesebuah negara untuk berkembang menjadi sebuah negara maritim iaitu tiga elemen berkaitan kondisi alam dan tiga elemen berkaitan penduduk iaitu kedudukan geografi (*geographical position*), keadaan wilayah (*physical conformation*), perluasan wilayah (*extent of territory*), ciri-ciri masyarakat (*character of the people*), jumlah penduduk (*number of population*) dan ciri-ciri pemerintah (*character of government*).

Selain barat, Kepulauan Asia Tenggara juga tidak kurang hebatnya mempunyai tokoh dalam bidang kelautan iaitu Adrian Bernard Lapian yang cukup terkenal dengan teorinya iaitu



sejarah Nusantara sejarah bahari sehingga diangkat sebagai "bapa maritim" Asia Tenggara. Lapian yang lahir pada 1 September 1929 di Tegal, Jawa Tengah merupakan seorang sarjana terunggul dalam bidang sejarah maritim Indonesia. Melalui pelbagai karya penulisan yang dihasilkannya, pidao dan lontaran pemikiran beliau ini telah banyak meluruskkan kembali histiografi sejarah maritim di Indonsia sehingga dinobatkan sebagai "nakhoda pertama sejarawan maritim Asia Tenggara" oleh Shahril Talib Robert dalam Persidangan *International Association of Historians of Asia* (IAHA) ke-15 di Jakarta pada tahun 1998.

Melalui disertasinya yang berjudul *Orang Laut, Bajak Laut dan Raja Laut: Suatu Kajian Laut Sulawesi Abad XIX*, buku berjudul Pelayaran dan Perniagaan Nusantara Abad Ke-16 dan 17 dan kemudiannya melalui pidatonya yang berjudul *Sejarah Nusantara Sejarah Bahari* pada tahun 1991 sempena pengukuhan Guru Besar di Fakultas Sastra, Universitas Indonesia telah memperlihatkan akan kepentingan maritim sebagai latar utama kepada pembentukan sejarah Nusantara dan bukannya dilihat sebagai sejarah pinggiran sahaja. Secara amnya terdapat beberapa sumbangan Lapian dalam pemikiran dan histiografi sejarah maritim di Indonesia dan Asia Tenggara amnya. Melalui pidatonya ini, walaupun perkataan nusantara dan bahari tidak sinonim namun A.B. Lapian telah memperlihatkan perkaitan dua perkataan ini menjadi satu makna.

Menurut Lapian, "Nusa" suatu pulau yang dimaksudkan adalah Jawa dan "antara" bermaksud pulau-pulau lainnya dan sementara itu perkataan bahari yang dalam KBBI adalah bermaksud dahulu kala, indah atau elok sekali dan berkenaan laut . Justyru itu Lapian membuat satu rumusan bahawa perkataan nusantara dan bahari merupakan "masa lalu (sejarah) yang indah dilaut". Lapian turut memperlihatkan bagaimana laut di Nusantara (Laut Jawa, Laut Flores, Laut Banda, Laut Celebes) memainkan peranan penting dalam menghubung dan menyatukan masyarakat darat-pulau di In donesia. Sebagai intipati kepada pidatonya, Lapian secara tegas menyatakan bahawa jika berbicara tentang sejarah Nusantara, maka mahu tak mahu aspek kelautan patut diperhatikan. Menurut Lapian lagi, apabila kita berbicara tentang sejarah Nusantara, maka dengan sendirinya aspek maritim akan selalu menonjol. Tanpa aspek ini maka sejarahnya hanya berkisar kepada pulau yang terpisah-pisah sahaja. Dalam erti kata lain. Lapian berpendapat sejarah Nusantara dan Asia Tenggara harus dilihat dari perspektif global dan bukannya sejarah setempat atau negara-bangsa itu.

Melalui pelbagai karya Lapian juga telah memperbetulkan semula persepsi umum dengan menyatakan bahawa "bukan pulau yang dikelilingi laut" tetapi "laut yang ditaburi pulau-pulau" dan menukar istilah hinter-land kepada hinter-sea untuk menggambarkan keadaan sebenar geografi Indonesia. Lapian juga telah memperkenalkan teori *sea system* (sistem laut) untuk mengkaji sejarah Indonesia yang mana laut dilihat sebagai satu kesatuan sistem dan telah diposisikan sebagai faktor utama yang mengintegrasikan pulau-pulau sehingga terbentuknya jaringan-jaringan yang mewujudkan peradaban di laut.ii Menurut Lapian lagi, wilayah Indonsia hendaknya dilihat dari satuan-satuan lautnya (*sea-system*). Tidak seperti pada negara continental yang menjadi fokus adalah daratannya (*heart-land*), bagi Indonesia yang lebih mendapat erhatian adalah lautnya (*heart-sea*) seperti Laut Jawa, Laut Banda, Laut Sawu, Laut Seram, Laut Maluku, Laut Aru. Selat dan teluk harus dipandang juga sebagai sistem laut. Melalui disertasinya yang berjudul Orang Laut, Bajak Laut dan Raja Laut: Suatu Kajian Laut Sulawesi Abad XIX juga telah berjaya memperbetulkan persepsi dan pentafsiran negetif terhadap bajak laut. Lapian telah menegaskan bahawa segala tindak tanduk bajak laut

yang dianggap sebagai suatu jenayah di laut dari kaca mata kolonial perlu juga dipandang dari aspek sejarah total (total history), budaya dan persekitarannya yang telah mempengaruhi perjalanan sejarah mereka.

Dalam erti kata lain, sejarah bajak laut bukan sahaja harus dipandang di perspektif western centric tetapi juga dari perspektif *Indonesian and Malay Archipelago centric*. Melalui Hendrik Niemeyer (2004:7-15) dalam artikel yang berjudul *A Sea of History-A History of Seas* (Laut Sejarah-Sejarah Laut) yang ditulisnya berdasarkan kepada wawancaranya bersama Lapian juga telah memperlihatkan bagaimana Lapian memandang laut sebagai sebuah kehidupan manusia yang menempati ruang masa lalu yang terus bergerak ke masa kini. Dalam erti kata lain bertapa luas, panjang dan dalamnya kehidupan manusia itu dalam rentangan waktu. Lapian juga pernah melontarkan pemikirannya iaitu “kalau kita terus saja belayar sejauh-jauhnya maka kiptapun akan sampai juga ke daratan” yang mnbawa pengertian bahawa tanah daratan termasuk pulau dan laut harus dilihat sebagai satu kesatuan yang tidak terpisah dan menjadi landasan kepada istilah “Tanah Air bangsa Indonesia”. Menurut Lapian, pendekatan sejarah maritim Indonesia hendaknya melihat seluruh wilayah perairannya sebagai pemersatu yang mengintegrasikan ribuan pulau yang terpisah-pisah. Selain itu, Lapian juga telah meletakkan dasar-dasar kajian sejarah maritim di Indonesia dengan memperkenalkan beberapa konsep dan teori penting untuk dijadikan panduan dalam penelitian dan penulisan para sejarawan maritim selanjutnya. Justru itu, *Anthony Reid* yang mengulas buku Orang Laut, Bajak Laut dan Raja Laut karya Lapian telah menyatakan bahawa “tidak ada sarjana Indonsia yang telah mendemonstrasikan keahliannya sebagai sejarawan lebih baik dari Adrian B. Lapian”.

## 5. KESIMPULAN

Sejarah telah membuktikan bahawa pada suatu masa dahulu Malaysia dan Indonesia melalui kerajaan-kerajaan tradisionalnya seperti Kerajaan Srivijaya, Kerajaan Majapahit dan Kesultanan Melayu Melaka sebelum era penjajahan kuasa-kuasa barat telah berjaya mencapai status thalassocracy atau kerajaan maritim yang cukup terkenal dalam pensejarahan maritim dunia. Melalui pelbagai aktiviti yang berpaksikan laut dan lautan telah membolehkan kerajaan-kerajaan tradisional ini membangun dan membina peradabannya sendiri. Namun demikian apabila berlakunya proses kolonialisasi oleh kuasa-kuasa barat dan berlakunya perubahan pandang dunia dari berteraskan laut dan laut kepada daratan selama ratusan tahun telah menyebabkan peranan dan jasabakti kelautan dalam agenda pembangunan negara selepas mencapai kemerdekaan hingga kini mula dipinggirkan dan dilupakan. Tokoh-tokoh pemikir dalam dunia kelautan terdahulu telah menyarankan agar sesebuah negara yang mempunyai pantai untuk menguasai dan memanfaatkan laut wilayah dan lautan terbuka dan kebenaran saranan ini telah terbukti dalam pensejarahan kelautan lalu apabila kuasa-kuasa barat seperti Portugal, Sepanyol, Belanda, Inggeris, Perancis dan lain-lain lagi pada abad ke-15 telah berjaya memanfaatkan laut dan lautan dan akhirnya muncul sebagai kuasa-kuasa utama dunia. Walaupun perubahan masa telah memperlihatkan wujudnya pelbagai bidang, disiplin dan aliran dalam ilmu kelautan namun keberadaan sejarah maritim sebagai antara salah satu bidang ilmu terawal dalam cabang ilmu kelautan nampaknya terus relevan dan menjadi pelengkap kepada bidang, disiplin dan aliran ilmu kelautan hari ini. Bahkan adalah tidak keterlaluan untuk diperkatakan bahawa bidang, disiplin dan aliran ilmu kelautan moden (oceanografi) yang ada pada masa kini tidak akan dapat memahami apa itu kelautan dengan sebaiknya tanpa terlebih dahulu memahami apa itu

sejarah maritim atas satu keinsafan bahawa sejarah itu tetap mendasari semua bidang, disiplin dan aliran ilmu itu sendiri.

## 6. DAFTAR PUSTAKA

- Bonar, Simangunsong. (2015). *Laut, Masa Depan Indonesia*, Jakarta: Penerbit Gematama.
- Evers, H. D. (2017). *Connecting Oceans: Malaysia as a Maritime Nation*. Bangi, Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hall, Kenneth, R. (1985). *Maritime Trade and State Development in Early Southeast Asia*. Hawaii: University of Hawaii Press.
- [https://en.m.wikipedia.org/wiki/Maritime\\_history](https://en.m.wikipedia.org/wiki/Maritime_history).
- Ismail, A. (2016). *Sejarah, Kebudayaan dan Kesenian Bajau di Sabah dari Perspektif Haji Bakara Marahajah Onnong*, Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah.
- Ismail, A. (2018). *Sejarah dan Budaya Perlanungan di Kepulauan Borneo*, Yogyakarta: Penerbit Ombak.
- Iskandar, S. (2000). *Laporan Suruhanjaya Bebas Kelautan Dunia* (Terj.), Kuala Lumpur: Maritime Institute of Malaysia (MIMA).
- Leur, J. C. van. (1967). *Indonesian Trade and Society: Essays in Asian Social and Economic History*, Den Haag. van Hoeve.
- Lapian, A. B. (1992). "Sejarah Nusantara Sejarah Bahari" yang disampaikannya pada upacara penerimaan jabatan guru besar luar biasa di Fakultas Sastera Universitas Indonesia pada tanggal 4 Mac.
- Lapian, A. B. (20110). *Orang Laut, Bajak Laut dan Raja Laut*, Depok: Komunitas Bambu.
- Limbong, B. (2015). *Poros Maritim*. Jakarta, Penerbit Margaretha Pustaka.
- Muhammad, A . R. (2018). *Laluan Sutera Baharu Maritim China: Kerjasama Dengan Malaysia dan Indonesia*. Bangi, Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mahan, A. T. (1890). *The Influence of Sea Power Upon History 1660-1783*, Boston Little. Brown and Company.
- Nemeijer, E. H. (2004). *A Sea of Histories, a History of the Seas: An Interview with Adrian B. Lapian, Itierario*, Vol. XXVIII, Number 1, Leiden Grafaria.
- Ong Jin Ong Jin Eong & Gong Wooi Khoon. (2001). *The Seas*. Singapore: Archipelago Press.
- Promo, D. (2005). *Budaya Bahari*, Jakarta: Penerbit PT Gramedia Pustaka Utama.

- Roelofsz, M. A. P. M. (1962). *Asian Trade and European Influence in the Indonesian Archipelago between 1500 and about 1630*. The Hague: Nijhoff.
- Reid, A. (1988). *Southeast Asia in the Age of Commerce 1450-1680*. New Haven: Yale University Press.
- Sopher, D. E. S. (1997). *The Sea Nomads: A Study of the Maritime Biat People of Southeast Asia*, Singapore: National Museum Singapore.
- Salim, S.E. (2017). *Konsep Neo-geopolitik Maritim Indonesia Abad Ke-21*, Yogyakarta: Diandra Pustaka Indonesia.
- Sather, C. S. (1997). *The Bajau Laut: Adaptation, History, and Fate in a Maritime Fishing Society of South-Eastern Sabah*, Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Wahyono, S. K. (2009). *Indonesia Negara Maritim*, Jakarta: Penerbit Teraju.
- Wheatley, P. (1959). "Sung maritime Trade". *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*, Vol. 32 (2).
- Wolters, O.W. (2011). *Kemaharajaan Maritim Srivijaya dan Perniagaan Dunia Abad III-Abad VII*. Jakarta: Komuniras Bambu.
- Zuhdi, S. (2014). *Nasionalisme, Laut dan Sejarah*, Depok: Komunitas Bambu.
- Zacot, F. R. (2008). *Orang Bajo: Suku Pengembala Laut. Pengalaman Seorang Antropologi* (Terj.), Jakarta: Kepustakaan Populer Gramedia.